# NOVEL-NOVEL ABDULLAH HUSSAIN
# SATU KAJIAN DARI SEGI
# TEMA DAN PERSOALAN
# (1940-1980)

Oleh

Abdullah bin Ahmad

Latihan Ilmiah

untuk memenuhi

sebahagian daripada syarat-syarat

Ijazah Sarjana Muda Sastera Dengan Kepujian

Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

PULAU PINANG

SIDANG AKADEMIK 1982/83

untuk;

Isteri dan Anak-Anakku
serta kaum keluarga yang
sentiasa mendoai kejayaanku.

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan

## PERAKUAN PENYELIA

Dengan ini disahkan bahawa Latihan Ilmiah yang berjudul:

NOVEL-NOVEL ABDULLAH HUSSAIN
SATU KAJIAN DARI SEGI
TEMA DAN PERSOALAN

oleh ABDULLAH BIN AHMAD

telah diperiksa selengkapnya dan dinilaikan.

Rancangan Kesusasteraan
Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan
Universiti Sains Malaysia

Tandatangan ____________________
( Drs. M.S.Hutagalung)

Tarikh : ____________________

## PENGHARGAAN

Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Pengasihani

Saya mengucap syukur ke hadrat Illahi kerana dengan limpah dan kurnia-Nya, saya berjaya menyempurnakan Latihan Ilmiah ini dalam jangkamasa yang ditentukan.

Dalam usaha menyempurnakan Latihan Ilmiah ini, saya merasa terhutang budi yang tidak terhingga kepada Drs. M.S.Hutagalung selaku penyelia Latihan Ilmiah ini, kerana membimbing saya dalam menyiapkan dan menyempurnakan Latihan Ilmiah ini.

Ucapan terima kasih dan penghargaan tinggi juga dirakamkan kepada Tuan Haji Abdullah Hussain, En. Usman Awang dan lain-lain yang telah sudi memberi buah fikiran kepada saya untuk menyempurnakan Latihan Ilmiah ini. Juga tidak ketinggalan sebagai penghargaan kepada Perpustakaan Universiti Sains Malaysia, Universiti Malaya dan Dewan Bahasa dan Pustaka yang turut membantu memberikan bahan-bahan untuk menyiapkan Latihan Ilmiah ini.

Sekali lagi ucapan ribuan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam menyiapkan Latihan Ilmiah

ini dan hanya Allah dapat membalas budi mereka. Akhir kata saya memohon maaf sekali lagi terhadap sebarang kesilapan ketika dalam menyediakan Latihan Ilmiah ini.

# SINOPSIS

Pada keseluruhannya, Latihan Ilmiah ini membicarakan tentang tema dan persoalan yang terdapat di dalam novel-novel Abdullah Hussain. Tiga belas daripada lima belas buah novel-novelnya yang telah dicetakkan dapat dikumpulkan dan dijadikan pokok perbincangan Latihan Ilmiah ini.

Pengkaji telah membahagikan kajian ini kepada empat bab utama. Bab pertama adalah pendahuluannya yang berkisar kepada alasan saya memilih tajuk ini iaitu bahawa novel-novel Abdullah Hussain patut dikaji memandangkan telah begitu lama beliau melibatkan diri dalam penulisan tetapi hingga kini masih belum dibicarakan karya-karyanya seperti novel secara serius dan terperinci. Juga di dalam bab ini akan diberi garis panduan struktur Latihan Ilmiah ini seperti fokus kajian, had kajian, cara atau kaedah kajian ini dilakukan, kepentingan kajian dan susunan Latihan Ilmiah ini.

Manakala di dalam bab kedua pula; pembicaraannya adalah tentang tema sebuah novel yang meliputi soal-soal seperti pengertian tema, kedudukan tema, sumber tema dan jenis-jenis tema. Ini diikuti pula oleh bab ketiga yang menjadi inti kepada kajian Latihan Ilmiah

ini iaitu tema dan persoalan novel-novel Abdullah Hussain dan bab keempat adalah kesimpulan atau rumusan dari perbincangan kita selama ini. Demikianlah sinopsis yang terdapat di dalam Latihan Ilmiah ini.